

TEORI SENI VISUAL : SLOT 3

KOMUNIKASI VISUAL : REKA BENTUK GRAFIK

(Simbol, logo, poster, lencana,papan tanda, papan iklan. Kain rentang,pembungkusan ,risalah,ilustrasi dan multimedia)

INFO PENTING TENTANG REKA BENTUK GRAFIK

SIMBOL



- Objek dalam rupa ringkas
- Maklumat menggantikan teks
- Simbol bersifat universal – semua boleh memahami dan guna simbol yang sama
- Ciri-ciri simbol:
 - a) Menyampaikan mesej dengan jelas
 - b) Menggunakan rupa grafik mudah
 - c) Ia digunakan di tempat yang strategik

Jenis-jenis simbol:

Simbol sukan, simbol amaran dan simbol maklumat.

LOGO




- Logo ialah tanda pengenalan yang digubah dalam bentuk grafik
- Jenis-jenis logo:
 - a) Logo huruf.
 - b) Logo representasi.
 - c) Logo gabungan huruf dan representasi.

Ciri-ciri Logo:

- a) Berbentuk unik, mudah difahami dan ada tarikan tersendiri.
- b) Mempunyai kaitan tema dengan identiti yang di wakili.
- c) Ringkas, jelas dan mudah diingati.
- d) Penggunaannya bertahan lama(nilai keagungan)

Logo Huruf

Logo Representasi



Logo Campuran



**PAPAN TANDA
(TANDA JALAN)**



- **maklumat haluan** kepada awam untuk membantu arah tuju ke destinasi sesuatu tempat.

Ciri-ciri Papan Tanda :

- I. Keterbacaan-boleh dibaca dengan mudah dengan sekali pandang.
- II. Pemilihan warna yang sesuai dengan persekitaran.
- III. Lokasi yang sesuai.
- IV. Penggunaan bahasa yang mudah dan betul.

**PAPAN IKLAN / PAPAN
PERAGA (BILLBOARD)**



- **Poster besar** yang terdapat di tepi atau persimpangan jalan.
- Terdapat pelbagai bentuk, ada yang menggunakan elektronik atau bermotor.

Ciri-ciri Papan Iklan :

- I. Keterbacaan-boleh dibaca dengan mudah dengan sekali pandang.
- II. Gambar dan ilustrasi yang minimum tetapi kreatif dan mudah difahami.
- III. Lokasi yang sesuai.
- IV. Penggunaan bahasa yang mudah dan betul.
- V. Reka bentuk yang kreatif untuk menarik perhatian.

**IKLAN TRANSIT
(PERSINGGAHAN)**



- Iklan yang diletakkan pada kenderaan awam seperti bas, keretapi, teksi dsb.

Ciri-ciri Iklan Transit

- I. Keterbacaan-boleh dibaca dengan mudah dengan sekali pandang.
- II. Gambar dan ilustrasi yang minimum dan mudah difahami.
- III. Saiz yang sesuai dengan penglihatan.
- IV. Penggunaan bahasa yang mudah dan betul.
- V. Reka bentuk yang kreatif untuk menarik perhatian

IKLAN PERSIMPANGAN



- Iklan ini terdapat di tempat-tempat strategik di kawasan orang ramai berjalan kaki.
- Terdapat dalam bentuk 3 dimensi dan berpusing

Ciri-ciri Iklan Persimpangan :

- I. Keterbacaan-boleh dibaca dengan mudah dengan sekali pandang.
- II. Lokasi yang sesuai.
- III. Reka bentuk yang kreatif untuk menarik perhatian

KESIMPULAN :

<http://psvspm.blogspot.com>

GRAFIK PERSEKITARAN



Papan peraga / Billboard



Iklan transit



Iklan persimpangan



Tanda jalan

PEMBUNGKUSAN



- Pembungkusan ialah satu kaedah penyimpanan dan melindungi sesuatu barangan daripada rosak dan tercemar .
- Jenis-jenis :
 - I. **Pembungkusan tradisional:** Penggunaan bahan berasaskan tumbuhan- biasanya digunakan untuk membungkus makanan seperti ketupat, nasi lemak dsb
 - II. Pembungkusan moden – contoh : kertas,bahan logam, kaca,plastic,polistrin dsb

Fungsi :

- a) Untuk melindungi dan menjaga kebersihan barangan.
- b) Memudahkan penyimpanan.
- c) Memelihara mutu barangan.
- d) Memastikan keselamatan barangan supaya tidak rosak
- e) Memberi maklumat kepada pengguna.
- f) Mudah dibawa.

RISALAH (PEMPLET/BROSUR)



- Risalah merujuk kepada bahan-bahan edaran atau siaran
- **Penerangan terperinci** tentang sesuatu produk berkaitan dengan institusi dsb .
- .Risalah mengutamakan ilustrasi, kaligrafi, tipografi, simbol dan logo
- Bentuk risalah seperti sehelai kertas berlipat dua atau tiga, beberapa lipatan dan seperti buku

Fungsi :

Risalah berfungsi untuk **mempromosi** dan mengiklankan barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh sesebuah institusi atau syarikat

MULTIMEDIA



- Multimedia bermaksud banyak media
- bentuk persebaha yang menggabungkan elemen
- teks, grafik, video, audio dan animasi dijana oleh sistem komputer
- boleh melayari, berinteraksi, mencipta dan berkomunikasi lebih cepat dan bekesan


ELEMEN MULTIMEDIA

- Teks – tulisan
- Grafik – gambar / ilustrasi
- Audio – bunyi
- Video – gambar sebenar yang bergerak
- Animasi – gambar bukan sebenar yang bergerak

NO	AKTIVITI GRAFIK	JENIS PERISIAN
1	Program Persembahan	Microsoft PowerPoint
2	Program Carta / Graf	Microsoft Excel
3	Program Lukisan / Catan	Adobe Illustrator, Corel Draw, Free Hand, Meta Creations Painter
4	Program Edit Foto (biasanya ada perkataan 'photo')	Adobe Photoshop, Adobe Photo Deluxe, Corel Photo Paint, Microsoft PhotoDraw
5	Program 'Dekstop Publishing' Penerbitan atas meja	Broderbund, Print Shop Premier, Page Maker, Quark Express, Microsoft Publisher
6	Program Laman Web	Micrisoft FrontPage, Adobe PageMill, Macromedia Dreamweaver
7	Program Multimedia	Authorware, Macromedia Director, Asymetrix ToolBook
8	Program 3D dan Animasi	Authorware, Macromedia Director, Asymetrix ToolBook

REKA BENTUK : INDUSTRI , HIASAN DALAMAN , LANDSKAP

REKA BENTUK INDUSTRI



REKA BENTUK HIASAN DALAMAN



REKA BENTUK LANDSKAP



INFO PENTING TENTANG REKA BENTUK INDUSTRI

- I. Proses reka bentuk barangan elektrik dan elektronik, perabot, kenderaan dan sebagainya.
- II. Revolusi Perusahaan di Eropah yang muncul pada abad ke-17 memberi perkembangan pesat industri reka bentuk.

PERKARA PERLU DIAMBIL DALAM PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN :

- i. Keperluan – adakah produk baru ini dapat memenuhi keperluan pengguna
- ii. Bentuk dan fungsi – produk yang dicipta perlu mempunyai bentuk yang menarik dan sesuai dengan fungsinya.
- iii. Bahan – bahan yang diguna mestilah sesuai, tahan lasak, jimat kos dan mudah didapati .
antara bahan yang boleh digunakan ialah kayu, kaca, logam, plastik, tembikar dan bahan campuran dsb.

PROSES REKA BENTUK

- I. Mengenal pasti masalah (Perbincangan)
- II. Membuat kajian dan penyelidikan (lakaran barangan yang akan dicipta)
- III. Menghasilkan model (bahan tanah liat)
- IV. Membuat prototaip (reka bentuk sebenar ciptaan mengikut spesifikasi yang betul)
- IV. Penghasilan produk
- h) Membuat promosi



PERBINCANGAN



LAKARAN



PENGHASILAN MODEL



PROTOTAIP (UJIAN)

PROSES MENGHASILKAN REKA BENTUK INDUSTRI

REKA BENTUK HIASAN DALAMAN

ASPEK DALAM SENI REKA HIASAN DALAMAN

<p>Ruang</p> <p>Rekaan yang baik dapat memberi keselesaan dalam bilik di mana ruang yang kecil akan kelihatan lebih besar dan selesa</p>	<p>Peredaran Udara</p> <p>Arah pergerakan angin dan udara harus diketahui</p>	<p>Pencahayaan</p> <p>Saiz dan kedudukan pintu atau tingkap akan menentukan keadaan pencahayaan dalam bilik.</p>	<p>Saiz Perabot</p> <p>Perabot yang terlalu besar tidak sesuai untuk bilik yang kecil. Susunan perabot akan menentukan ruang dalam bilik.</p>	<p>Warna</p> <p>Warna dinding dan lantai haruslah harmoni dengan warna perabot.</p>
---	--	---	--	--

SEBELUM PENGHASILAN REKAAN HIASAN DALAMAN

- Fungsi Bilik** Sama ada bilik tersebut digunakan sebagai bilik pejabat, bilik tamu, bilik tidur dan sebagainya
- Saiz Bilik** Luas dan tinggi bilik perlu diketahui bagi menentukan jenis perhiasan dan jenis perabot yang akan digunakan
- Bentuk Bilik** Bentuk segi empat sama atau segi empat tepat dan sebagainya
- Lokasi Bilik** Lokasi bilik adalah penting untuk mengetahui arah pencahayaan dan pengudaraan dalam bilik tersebut



LAKARAN IDEA



PELAN TAPAK



LUKISAN PERSPEKTIF



MODEL HIASAN DALAMAN

REKA BENTUK LANDSKAP

INFO PENTING TENTANG REKA BENTUK LANDSKAP

JENIS-JENIS LANDSKAP

- a) Landskap lembut – terdiri daripada tumbuh-tumbuhan
- b) Landskap keras / kejur – terdiri daripada bahan buatan manusia seperti pergola, gazebo, bangku simen, lampu taman, laluan pejalan dsb.



LANDSKAP LEMBUT



LANDSKAP KEJUR



GAZEBO/WAKAF



PERGOLA



Pelan tapak landskap



Pelan perspektif landskap

ELEMEN PENTING LANDSKAP :

- a) **Tumbuhan** – pemilihan dari segi saiz, bentuk, warna dan fungsi
- b) **Bentuk muka bumi / topografi** – seperti bukit-bukau, tasik, sungai dan tanah rata
- c) **Ruang** – dapat menimbulkan keselesaan
- d) **Air** – bina sistem pengaliran dan pastikan air tidak bertakung. Air juga dapat memberi kesan sejuk dan bunyi air membawa ketenangan

PROSES REKA BENTUK LANDSKAP :

- a) **Menentukan tema** dan fungsi landskap
- b) Mengkaji keadaan fizikal bentuk muka bumi/topografi
- c) **Membuat lakaran** tapak landskap
- d) **Membuat pelan** awal dan pelan induk mengikut skala yang sesuai
- e) **Membuat lukisan** perspektif pelbagai sudut
- f) **Membuat model** 3 dimensi bagi projek besar
- g) Membuat kemasan dengan meletakkan tajuk, arah mata angin, dan skala

“ manusia yang tidak merancang sebenarnya sedang merancang untuk gagal ”

aminuddinrohani